



**POLISI BAGI
HOSTING PORTAL
DAN DOMAIN
NAME SERVER
(DNS)
KERAJAAN
NEGERI MELAKA**

VERSI 1

REKOD PINDAAN DOKUMEN

TARIKH	NO. KELUARAN / PINDAAN	BAB / MUKA SURAT	KETERANGAN PINDAAN
11 Mac 2021	Versi 1.0	Dokumen Asal	-

KANDUNGAN

1. TUJUAN	1
2. SKOP	1
3. PERKHIDMATAN	1
4. TANGGUNGJAWAB.....	2
4.1. TANGGUNGJAWAB BTMK.....	2
4.2. TANGGUNGJAWAB JABATAN KERAJAAN NEGERI.....	2
5. KUMPULAN SASAR	4
6. PEMAKAIAN.....	4
7. TARIKH KUATKUASA	4
8. LARANGAN	4
9. KAWALAN KESELAMATAN HOSTING	5
10. KHIDMAT NASIHAT.....	5
11. PENUTUP	5

1. TUJUAN

- 1.1. Dokumen ini mengandungi segala peraturan dan garis panduan mengenai tatacara perkhidmatan *hosting* bagi portal dan *Domain Name Server (DNS)* kerajaan bagi semua Jabatan Kerajaan Negeri Melaka.

2. SKOP

- 2.1. Skop ini melibatkan semua Jabatan Kerajaan Negeri yang menempatkan (*host*) portal atau DNS Jabatan mereka di Pusat Data Kerajaan Negeri Melaka.

3. PERKHIDMATAN

- 3.1. Perkhidmatan yang tertakluk kepada Polisi ini adalah seperti berikut:

Bil.	Perkhidmatan	Peranan
1.	Penempatan (<i>Hosting</i>) Portal	BTMK
2.	Penempatan DNS	BTMK
3.	Keselamatan Infra DC dan DRC	BTMK
4.	Keselamatan <i>Hosting</i> dan DNS	BTMK
5.	<i>Backup Solution</i>	BTMK
6.	Pengemaskinian <i>Patches</i> bagi Perkhidmatan <i>Hosting</i> dan DNS	BTMK
7.	Pembangunan Portal dan Sistem	Jabatan
8.	Pengemaskinian <i>Patches</i> bagi Portal, CMS dan <i>Programming Language</i>	Jabatan

4. TANGGUNGJAWAB

4.1. TANGGUNGJAWAB BTMK

4.1.1. Bagi memastikan pengendalian *hosting* beroperasi dengan sempurna dan berkesan, Pentadbir *Web - Hosting* BTMK adalah bertanggungjawab untuk :

- I. Memastikan kapasiti perkakasan dan perisian yang mencukupi untuk menampung operasi portal dan DNS.
- II. Membuat perancangan perolehan perkakasan dan perisian bagi pengurusan operasi portal dan DNS bagi menampung keperluan semasa dan masa hadapan.
- III. Memastikan backup dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.
- IV. Jika di dapati bahawa sumber maklumat telah disalahgunakan atau tidak mengikut polisi yang di tetapkan, BTMK boleh menghadkan atau memansuhkan akses Jabatan kepada *hosting* tersebut.
- V. Urusan keselamatan perkakasan *server*, perisian virtual, DNS, *hosting* dan rangkaian adalah dibawah tanggungjawab BTMK.
- VI. Pengurusan domain **melaka.gov.my* dan **melaka.my* adalah di bawah tanggungjawab BTMK.
- VII. Pengurusan Pengujian Simulasi adalah di bawah tanggungjawab BTMK.

4.2. TANGGUNGJAWAB JABATAN KERAJAAN NEGERI

4.2.1. Pegawai ICT Jabatan Kerajaan Negeri berkaitan hendaklah mematuhi tatacara yang telah ditetapkan agar keselamatan ke atas pemakaiannya akan terus terjamin. Peranan dan tanggungjawab berkaitan adalah seperti berikut:

- I. Memastikan portal memenuhi tahap keselamatan yang ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya pencerobohan.

- II. Setiap Jabatan Kerajaan Negeri berkaitan akan diberikan maksima 10GB ruang storan di Pusat Data (DC).
- III. Jabatan Kerajaan Negeri berkaitan perlu bertanggungjawab atas keselamatan kata laluan yang dibekalkan (patuh DKICT).
- IV. Jabatan Kerajaan Negeri berkaitan bertanggungjawab sepenuhnya bagi pengurusan domain dengan syarikat pembekal domain seperti MyNIC sekiranya tidak menggunakan sub domain *melaka.gov.my.
- V. Jabatan perlu bertanggungjawab terhadap semua isi kandungan yang disiarkan.
- VI. Jabatan tidak dibenarkan merosakkan sistem komputer atau data dengan apa jua cara seperti pengedaran virus komputer, *phising* pengguna dan sebagainya.
- VII. Jabatan juga perlu bertanggungjawab terhadap semua perisian/ *tools* yang dipasangkan pada tapak *hosting* adalah selamat di gunakan, dan memastikan semua perisian telah di kemaskini *patches* dari semasa ke semasa.
- VIII. Jabatan perlu memaklumkan kepada BTMK sekiranya portal tersebut tidak digunakan agar BTMK boleh membuat keputusan untuk mengugurkan syarat penggunaan *hosting* daripada semasa ke semasa.
- IX. Memastikan *Framework atau Programming Language* dan *Content Management System (CMS)* yang digunakan seperti Joomla, WordPress, Plone, Drupal atau lain-lain berada di dalam versi paling terkini seiring dengan teknologi semasa.
- X. Jabatan turut perlu melaksanakan backup di peringkat Jabatan/ Agensi bagi persediaan sebarang kemungkinan berlaku.
- XI. Sekiranya BTMK melaksanakan aktiviti simulasi, Jabatan terlibat perlu turut serta aktiviti tersebut bagi aktiviti pengujian dan sebagainya.

5. KUMPULAN SASAR

5.1. Kumpulan sasaran bagi polisi ini ada untuk semua Jabatan Kerajaan Negeri Melaka.

6. PEMAKAIAN

6.1. Tertakluk untuk semua Jabatan Kerajaan Negeri Melaka. Dokumen ini mesti disemak semula tertakluk kepada keperluan dan perubahan teknologi semasa.

7. TARIKH KUATKUASA

7.1. Polisi ini berkuat kuasa mulai 4 Januari 2021.

8. LARANGAN

8.1. Jabatan Kerajaan Negeri berkaitan adalah dilarang daripada melakukan sebarang aktiviti yang melanggar tatacara yang ditetapkan seperti:

- I. Menggunakan akaun milik orang lain, berkongsi akaun atau memberi akaun kepada orang lain.
- II. Menggunakan identiti palsu atau menyamar sebagai pemberi maklumat yang sah.
- III. Menggunakan perkhidmatan untuk tujuan komersial atau politik.
- IV. Menyiarkan bahan-bahan yang salah di sisi undang-undang seperti bahan lucah, perjudian dan jenayah.
- V. Menyiarkan maklumat berunsur hasutan, fitnah, ciplak atau aktiviti-aktiviti lain yang ditegah oleh undang-undang Kerajaan Malaysia.
- VI. Menyebarkan kod perosak seperti virus, cecacing, *trojan horse* dan *trap door* yang boleh merosakkan sistem komputer dan maklumat pengguna lain.

9. KAWALAN KESELAMATAN HOSTING

9.1. Kawalan keselamatan infra seperti *Firewall*, *IPS*, *Web Filtering* dan *DNS Security* adalah dibawah tanggungjawab pihak BTMK.

10. KHIDMAT NASIHAT

10.1. Sebarang kemusykilan berkaitan dengan Polisi Bagi *Hosting* Portal Dan *Domain Name Server* (DNS) Kerajaan Negeri bolehlah dirujuk kepada:

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Jabatan Ketua Menteri Melaka
Aras 1, Blok Temenggong,
Seri Negeri Hang Tuah Jaya,
75450 Ayer Keroh,
Melaka.

Tel : 06-2307264

Faks : 06-2328620

E-mel : dc@melaka.gov.my

11. PENUTUP

11.1. Polisi ini mengandungi amalan terbaik tatacara perkhidmatan *hosting* yang perlu dipatuhi oleh pengguna dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa selaras dengan arus perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta perundangan.



**BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
JABATAN KETUA
MENTERI MELAKA**